# TAQWA

## SISTEM DEFENSIF KITA

Saidina Umar r.a. pernah bertanya kepada seorang sahabat yang lain bernama Ubai bin Ka'ab r.a. makna taqwa. Lalu Ubai bertanya kepada Umar : "Adakah engkau pernah melalui satu jalan yang berduri? Jawab Umar: "Ya". Tanya Ubai lagi: "Apakah yang kamu lakukan untuk melalui jalan tersebut?". Jawab Umar : "Aku melangkah dengan waspada dan berhati-hati". Balas Ubai : "Itulah yang dikatakan taqwa".

TERBITAN: PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

# SINAR JUMAAT

EDISI : 11/2016 Universiti Malaysia PAHANG PIMPIN TARIKH : 10 Jun 2016 / 5 Ramadan 1437H

## KISAH SEBIJI KURMA DI ZAMAN RASULULLAH

Di sebuah kampung, terdapat seorang lelaki yang sedang nazak. Sahabat memanggil Rasulullah S.A.W untuk menziarahi beliau. Setiba Rasulullah S.A.W di rumah lelaki itu, keadaan lelaki itu semakin nazak. Maka Rasulullah mengajarkan kepadanya dua kalimah syahadah. .

Selepas menyebut dua kalimah shahadah, lekai itu juga sempat menyebut “Sebiji kurma, Ambillah semua!, Sebiji kurma, Ambillah semua!” dan diulang-ulang perkataan itu sehinggalah dia menemui ajal.

Sahabat-sahabat di sekeliling yang melihat kejadian itu berasa hairan, apakah yang dimaksudkan oleh lelaki yang nazak itu? Adakah dia ingin mewasiatkan sebiji kurma? Lumrah manusia ketika dalam keadan nazak akan menyebut sesuatu yang penting kepadanya.

Selepas selesai menguruskan urusan jenazah, maka para sahabat menghampiri Rasulullah dan bertanya mengapa lelaki itu menyebut “Sebiji kurma, Ambillah semua!”?

Maka Rasulullah memberikan penjelasan kepada para sahabat bahawa manusia akan dikalungkan dilehernya semua amalan yang dikerjakan semasa hidup samada baik atau buruk, kecil atau besar, dan akan dibawa sebagai bekalan di akhirat kelak.



Kemudian Rasulullah menyambung lagi, ketika waktu hidup lelaki ini dalam satu bulan Ramadan, dia hanya mempunyai sebiji kurma untuk berbuka puasa. Ketika hampir waktu berbuka, datang seorang miskin yang yang tidak mempunyai makanan untuk berbuka, maka si miskin itu meminta sedikit makanan daripada dia, oleh kerana kasihan, maka dibahagikan sebiji kurma itu kepada dua bahagian untuk diberikan sebahagian kepada orang miskin tadi.

Takdir Allah yang menentukan, umur lekaki itu singkat dan pemberian separuh kurma kepada si miskin itulah amalan sedekah dia yang terakhir. Apabila saat sakaratul maut, lelaki ini dengan izin Allah dapat melihat semua amalan kebajikan semasa hidupnya dikalungkan ke lehernya termasuk amalan terakhir itu.

Menyedari itulah amalan terakhir yang dikalungkan di leher, maka timbullah rasa kesal yang amat sangat sehingga dia menyebut–nyebut dengan nada kesal “sebiji kurma, ambillah semua!”, “Sebiji kurma, ambillah semua!” ketika nazak tadi. Maka fahamlah sahabat dengan penjelasan Rasulullah yang bermaksud, kalaulah lelaki itu tahu itu bahawa sedekah 1/2 kurma itu adalah amalan terakhir (yang akan dikalongkan di leher),

## GRAFIK




## Q & A

**HUKUM** menelan kahak atau hingus yang turun dari hidung.

- Menurut Mazhab Syafi'ie, kahak/ hingus yang dikeluarkan dari dalam tekak, jika diludahkan keluar tidaklah membatalkan puasa. Namun jika ditelan kembali selepas berada dalam mulutnya, maka batallah puasa. Adapun menyedut hingus dari kepala/hidung, jika terus masuk ke dalam kerongkong tanpa melalui perantaraan mulut, juga tidaklah membatalkan puasa. Namun jika disedut masuk ke mulut, kemudian ditelan maka batallah puasa. Jika diluahkan, maka tidak batallah puasa.
- Menurut mazhab yang lain, menelan hingus tidaklah membatalkan puasa kerana ia biasa berada dalam mulut dan datangnya dari dalam badan bukan dari luar, jadi diumpamakan seperti air liur.

**HUKUM** tertelan air liur selepas bersahur yang masih mengandungi sisa-sisa makanan.

- Menurut Mazhab Syafi'ie, kahak/ hingus yang dikeluarkan dari dalam tekak, jika diludahkan keluar tidaklah membatalkan puasa. Namun jika ditelan kembali selepas berada dalam mulutnya, maka batallah puasa. Adapun menyedut hingus dari kepala/hidung, jika terus masuk ke dalam kerongkong tanpa melalui perantaraan mulut, juga tidaklah membatalkan puasa. Namun jika disedut masuk ke mulut, kemudian ditelan maka batallah puasa. Jika diluahkan, maka tidak batallah puasa.
- Menurut mazhab yang lain, menelan hingus tidaklah membatalkan puasa kerana ia biasa berada dalam mulut dan datangnya dari dalam badan bukan dari luar, jadi diumpamakan seperti air liur.

**HUKUM** berkumur dengan Listerine pada siang bulan puasa.

- Menurut Mazhab Syafie, harus berkumur membersihkan mulut atau bersugi sebelum masuk waktu zuhur. Sekiranya selepas waktu zuhur hukumnya adalah makruh. Ini adalah berdasar sebuah hadis di mana Nabi Muhammad berkata yang maksudnya: "Bau mulut orang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi" Walaubagaimanapun, Imam Nawawi dalam fatwanya menjelaskan tidak makruh membersihkan mulut sekalipun selepas masuk waktu zuhur. Menurutnya hadis itu bukan melarang membersihkan mulut, tetapi hanya menyatakan kelebihan orang yang berpuasa.